

JENAYAH: KONSEP, PUNCA DAN CARA PENYELESAIANNYA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Oleh: Hamidi Bin Abdul Ghani*

Abstrak

Artikel ini cuba menyingkap punca sebenar yang menjerumuskan manusia sehingga terjebak dengan kegiatan jenayah dan seterusnya menyediakan kaedah yang berkesan untuk membendungnya dari terus merebak.

PENDAHULUAN

Jenayah dalam Islam bukan sekadar pelanggaran terhadap undang-undang yang telah dikanunkan malah skopnya meliputi pelanggaran terhadap hukum yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Secara ringkasnya boleh dikatakan bahawa setiap perbuatan yang membawa kepada dosa adalah jenayah dalam Islam. Justeru itu, pergaulan bebas, perbuatan kurang sopan, khalwat dan zina adalah jenayah dalam Islam walaupun ia dibolehkan di negara barat.

Perbuatan dosa hendaklah dipandang besar dan diambil berat oleh masyarakat Islam kerana Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*"Seorang mukmin itu melihat dosa perbuatan jahatnya seperti sebuah gunung yang dibimbangi akan menghempapnya, dan seorang munafik pula melihat dosa perbuatan salahnya seperti seekor lalat yang hinggap di hidung, lalu dihalauinya"*¹

Jika salah seorang anggota masyarakat Islam berterusan melakukan perbuatan jenayah tanpa dibendung dari awal lagi, maka ia

* Penulis adalah pensyarah di Jabatan Syariah KIAS.

akan mengundang bala dari Allah yang bukan sahaja terkena pada pelaku itu malah ianya juga akan terpalit pada keseluruhan masyarakat. Firman Allah s.a.w yang bermaksud:

"Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah maha berat azab seksaNya".

Surah al-Anfaal (8): 25

Justeru itu, kertas kerja ini ditulis bertujuan untuk menghindari kesan-kesan negatif akibat perlakuan jenayah dengan memfokuskan perbincangan berkaitan punca sebenar yang mendorong anggota masyarakat melakukan jenayah dan seterusnya langkah-langkah penyelesaian yang berkesan untuk membanterasnya.

Definisi Jenayah.

Jenayah dalam bahasa Arab disebut dengan perkataan *al-Jinayah* atau *al-Jarimah*. Menurut definisi yang biasa diberikan oleh ulama fiqh "Jenayah" ialah perbuatan jahat yang dilakukan untuk mencero bohi kehormatan jiwa dan anggota tubuh badan sahaja. Kesalahan jenayah menurut definisi ini hanya kesalahan-kesalahan membunuh dan mencederakan anggota tubuh badan. Oleh sebab itu dalam kitab-kitab fiqh, kes-kes pembunuhan dan kecederaan diletakkan di dalam bab "*al-Jinayah*" atau "*al-jarimah*" manakala kesalahan lain seperti mencuri, murtad, berzina diletakkan di bawah tajuk hudud. Kesalahan-kesalahan lain yang melibatkan harta benda, akal fikiran dan sebagainya tidak termasuk dalam definisi jenayah yang sempit ini.

Definisi jenayah yang lebih luas adalah meliputi semua kesalahan hudud, qisas dan ta'zir. Ini bererti semua jenis kesalahan seperti mencero boh kehormatan nyawa, tubuh badan, harta benda dan lain-lain,

samada yang melanggar larangan-larangan syarak seperti mencuri, berzina, minum arak dan sebagainya ataupun yang meninggalkan perintah-perintah Allah seperti solat, zakat, puasa Ramadhan dan sebagainya dalam lingkungan jenayah yang luas ini. Tegasnya apa juga bentuk dosa atau maksiat daripada sebesar-besarnya kepada sekecil-kecilnya samada dikenakan hukuman qisas, hudud atau ta'zir adalah dikatakan kesalahan jenayah.²

Al-Mawardi mendefinisikan jenayah sebagai "melakukan perbuatan yang dilarang oleh syara' dengan diperuntukkan hukuman had atau ta'zir untuk mencegah berlakunya perbuatan tersebut".³ Abdul al-Qadir Audah menjelaskan makna "melakukan" perbuatan yang dilarang (محظورات) ialah samada melanggar larangan Allah atau meninggalkan perintah Allah.⁴

JENAYAH-JENAYAH DALAM ISLAM

Dalam syariah Islam, meninggalkan sesuatu yang diperintah atau melanggar sesuatu arahan maka ia merupakan perbuatan jenayah. Walau bagaimanapun ia tidak dikira jenayah menurut perundangan barat, di antaranya:

1. Tinggal Sembahyang

Menunaikan sembahyang adalah perintah Allah yang wajib dilaksanakan, Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Dirikan sembahyang, keluarkan zakat dan ruku'lah bersama-sama orang yang ruku'.

Surah al-Baqarah (2): 43

Sesiapa yang meninggalkan sembahyang dianggap melakukan perbuatan jenayah mengikut Islam kerana melakukan dosa meninggalkan perintah Allah. Jikalau seseorang meninggalkan sembahyang dan

mengingkari kewajipannya maka dia dianggap sebagai melakukan perbuatan kufur mengikut pandangan sebahagian ulama dan keluar dari Islam. Pemerintah Islam mesti menyuruhnya supaya bertaubat dan mengerjakan sembahyang. Jika dia enggan, dia mesti dibunuh⁵. Sabda Rasulullah s.a.w:

العَهْدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ

Janji (perbezaan) di antara kita (orang Islam) dan mereka (orang kafir) ialah sembahyang. Sesiapa yang meninggalkan sembahyang, bererti dia telah menjadi orang kafir⁶

Sementara orang yang meninggalkan sembahyang kerana malas atau sibuk dengan urusan dunia adalah *fasiq* kerana telah melakukan dosa besar dan mengabaikan salah satu rukun yang lima⁷. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

Sembahyang ialah tiang agama, sesiapa yang meninggalkannya maka sesungguhnya ia telah meruntuhkan agama⁸

2. Melakukan Perbuatan Zina.

Zina adalah satu jenayah yang besar di dalam Islam. Ia merupakan suatu perbuatan keji yang akan membawa penzina itu ke jalan yang sejahat-jahatnya. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Dan jangan sekali-kali kamu menghampiri zina sesungguhnya zina itu adalah suatu perkara yang amat keji dan sejahat-jahat jalan".

Surah al-Isra' (17): 32

Menurut al-Qurtubi :*"Dikatakan zina itu adalah sejahat-jahat jalan kerana ia adalah jalan ke neraka jahanam"*⁹. Oleh kerana zina itu

amat dikutuk oleh Allah dan RasulNya, dan ianya akan menyebabkan kehilangan maruah, merosakkan keturunan, memporakperandakan rumah tangga dan menyebabkan negara dengan masalah-masalah sosial yang berat dengan anak di luar nikah bertaburan tanpa penjaga dan lain-lain lagi, maka Allah telah menetapkan hukuman yang sesuai dengan kesalahan tersebut¹⁰

3. Perbuatan Tidak Sopan

Perbuatan tidak sopan ini boleh dikatakan sebagai mukaddimah zina sebagaimana tersebut dalam hadis sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*"Telah ditetapkan (ditakdirkan) kepada anak Adam (manusia) bahagiannya daripada zina, (dia akan) mendapat demikian (dan) tak dapat tidak. Kedua mata zinanya melihat, kedua-dua telinga zinanya ialah mendengar, lidah zinanya ialah bercakap, tangan zinanya ialah meramas, kaki zinanya ialah melangkah. Dan hati (pula) bernaflu dan berangan-angan dan yang membenarkan dan yang mendustakan (menidakkan) perkara tersebut ialah kemaluan"*¹¹

Perbuatan tidak sopan telah dikanun sebagai satu kesalahan jenayah syariah dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan No.2 tahun 1985 dan menurut Ketua Pendakwa Syarie Negeri Kelantan Ustaz Zaini bin Sulaiman bahawa perbuatan tidak sopan bermaksud perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat awam termasuklah bercumbu-cumbuan, berpeluk-pelukan, pertuturan atau isyarat lucah atau berpakaian yang menghairahkan atau lain-lain perbuatan yang tak sopan yang bertentangan dengan hukum syarak¹²

4. Khalwat

Khalwat ialah satu perbuatan yang dilakukan oleh seorang lelaki yang bersekediaman, bersekedudukan, berkurung atau bersembunyi yang

mendatangkan syak dimana-mana tempat dengan seorang perempuan yang bukan mahramnya. Perbuatan ini sangat dilarang oleh agama Islam kerana ia boleh membawa kepada perlakuan zina lebih-lebih lagi bisikan pihak ketiga iaitu syaitan. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*"Tidak duduk lelaki berdua-duaan dengan seorang perempuan kecuali pihak ketiga adalah syaitan."*¹³

5. Dedah Aurat

Allah memerintahkan supaya perempuan muslimat menutup aurat supaya memelihara kehormatan diri mereka. Perintah Allah wajib ditunaikan. Sekiranya ia dilanggar, maka pelanggaran itu dianggap sebagai satu jenayah. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

"Hai nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: "hendaklah mereka mengulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka". Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, karena itu mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

Surah al-Ahzab (33): 59

KESAN-KESAN JENAYAH

Setiap perbuatan jenayah itu mempunyai kesan yang boleh melibatkan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Kesan ini meliputi aspek agama, sosial, jiwa, kesihatan, ekonomi dan politik.

1. Aspek agama

Al-Quran dan al-Sunnah telah menyatakan dengan banyaknya tentang kesan perbuatan jenayah dan dosa di dunia dan di akhirat¹⁴ Kesan di dunia

ialah penjenayah menempa azab Allah. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

"Dan bukan sedikit negeri-negeri yang penduduknya menderhaka terhadap perintah Tuhan mereka dan rasul-rasulNya, maka Kami hitung amal mereka satu persatu dengan hitungan yang keras rapi, serta Kami seksakan mereka dengan azab yang tidak pernah dikenal dahsyatnya. Lalu mereka merasai kesan yang buruk dari perbuatan derhakanya, dan jadilah akibat perbuatan mereka satu kerugian yang besar".

Surah al-Talaq (65): 8-9

2. Aspek sosial

Perbuatan jenayah akan menimbulkan permusuhan sesama manusia dan berkemungkinan besar akan menyebabkan keruntuhan institusi kekeluargaan. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

"Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran (meminum) khamar dan berjudi itu, dan menghalangi kamu dari mengingat Allah dan sembahyang; maka berhentilah kamu (dari mengerjakan pekerjaan itu)".

Surah al-Ma'idah (5): 91

3. Aspek jiwa dan kesihatan

Jiwa orang yang melakukan jenayah akan sentiasa tidak tenang dan keluh kesah dan hati mereka akan mati atau ditimpakan penyakit hati atau kekuatan jiwa akan lemah. Sebab itu Rasulullah s.a.w. mengajar kita dengan memohon perlindungan dari penyakit jiwa, antaranya ialah:

"Ya Allah, aku memohon perlindunganmu dari kerunsingan, kesedihan, rasa lemah dan rasa malas".¹⁵

Selain dari itu, penjenayah akan hidup penuh ketakutan. Mereka takut diketahui kesalahan mereka dan seterusnya takut ditangkap polis. Kesan kesihatan perlu, kemungkinan bagi pelaku seks bebas akan ditimpa penyakit kelamin yang pelbagai itu.

4. Aspek ekonomi

Orang yang akan melakukan jenayah akan disekat rezekinya. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

"Sesungguhnya seorang hamba itu akan dihalang rezekinya disebabkan dosa yang dilakukannya".¹⁶

Di samping itu kesan ekonomi ini juga melibatkan negara kerana terpaksa mengeluarkan bajet untuk menguruskan hal ehwal berkaitan jenayah.

5. Aspek Politik

Apabila jenayah pembunuhan, kecurian dan lain-lain berleluasa, maka masyarakat akan hidup dalam ketakutan. Keamanan dan kestabilan negara akan tergugat. Kesan-kesan perbuatan tersebut telah dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dengan maksudnya:

- i. Apabila sesuatu kaum menghebahkan perbuatan zina, maka mereka akan diuji dengan penyakit taun dan penyakit yang belum pernah dialami oleh generasi lalu.
- ii. Apabila mereka mengurangkan sukatan, mereka diuji dengan kesempitan hidup dan kezaliman pemerintah.
- iii. Apabila mereka enggan menunaikan zakat, mereka akan menghadapi musim kemarau.
- iv. Apabila mereka mengkhianati perjanjian, Allah akan membenarkan musuh menguasai mereka.

- v. Apabila pemimpin kerajaan tidak menjalankan hukum yang terdapat dalam al-Quran yang diturunkan Allah, maka Allah akan membenarkan berlaku perpecahan sesama mereka¹⁷

PUNCA-PUNCA JENAYAH

Berlakunya jenayah ialah kerana dua perkara, iaitu punca dalaman dan punca luaran. Ciri-ciri punca dalaman yang mendorong perlakuan jenayah adalah seperti berikut:

1. Jiwa kotor dan iman yang lemah¹⁸

Al-Quran telah merakamkan sejarah awal berlakunya jenayah di bumi adalah berpunca dari jiwa yang kotor iaitu berdasarkan kisah pembunuhan dua orang anak Nabi Adam. Jiwa berperanan besar dalam mempengaruhi tindak tanduk manusia samada ke arah kebaikan atau kejahatan. Jiwa yang bersih melahirkan perbuatan yang baik. Sementara jiwa yang kotor sebaliknya. Jiwa manusia menjadi kotor disebabkan maksiat yang dilakukan tanpa bertaubat sebagaimana yang disebut oleh Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

"Apabila seseorang mukmin melakukan sesuatu dosa, maka satu titik hitam akan melekat di hatinya. Apabila dia bertaubat, meninggalkan perbuatan salah itu serta memohon ampun daripada Allah, maka hasilnya akan kembali bersih".¹⁹

Jiwa yang kotor menyebabkan keimanan seseorang itu lemah. Iman yang lemah hanya membuka ruang berlakunya perbuatan jenayah. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

"Seseorang yang melakukan zina tidak melakukannya dalam keadaan dia beriman. Seseorang yang mencuri tidak melakukannya dalam keadaan dia beriman. Seseorang yang meminum arak tidak melakukannya dalam keadaan beriman".²⁰

2. Bisikan Syaitan²¹

Al-Quran menyatakan bahawa syaitan adalah musuh manusia yang nyata sekali, firman Allah s.w.t yang bermaksud:

"Nabi Yaakob berkata:" Wahai anakku! janganlah engkau ceritakan mimpimu kepada saudara-saudaramu, kerana aku khuatir mereka akan menjalankan sesuatu rancangan jahat terhadapmu. Sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia".

Surah Yusuf (12): 5

Allah memerintahkan supaya orang mukmin menjadikan syaitan itu sebagai musuh kerana matlamat utama perjuangan syaitan ialah mengajak manusia menjadi penghuni neraka yang menyala-nyala. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

"Sesungguhnya syaitan adalah musuh bagi kamu, maka jadikanlah dia musuh (yang mesti dijauhi tipu dayanya); sebenarnya dia hanyalah mengajak golongannya supaya menjadi dari penduduk neraka".

Surah Fatir (35): 6

Syaitan telah bertekad untuk menyesatkan manusia dan berusaha supaya manusia memandang baik amalan jahat mereka. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

"Iblis berkata: " Wahai Tuhanku! kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan aku akan menyesatkan mereka semuanya".

Surah al-Hijr (15): 39

Bagi mencapai tujuan di atas maka syaitan akan berusaha membisikkan manusia agar melakukan perkara-perkara berikut:

1. Mengajak manusia supaya mensyirikkan Allah dan menjadi kufur.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"(Sikap kaum munafik dengan kaum Yahudi) itu samalah seperti (sikap) syaitan ketika ia berkata kepada manusia: "Berlaku kufurlah engkau!" setelah orang itu berlaku kufur (dan tetap terkena azab), berkatalah syaitan kepadanya: "Sesungguhnya aku adalah berlepas diri daripadamu, kerana sebenarnya aku takut kepada Allah, Tuhan Yang Menguasai seluruh alam!"

Surah al-Hashr (59): 16

2. Menyeru manusia supaya melakukan maksiat dan dosa.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Ia hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji, dan (menyuruh) supaya kamu berkata (dusta) terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui (salah benarnya)".

Surah al-Baqarah (2): 169

3. Memalingkan manusia dari taat kepada Allah.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Iblis berkata: "Oleh kerana Engkau (Wahai Tuhan) menyebabkan daku tersesat (maka) demi sesungguhnya aku akan mengambil tempat menghalangi mereka (dari menjalani) jalanMu yang lurus; kemudian aku datang dari hadapan mereka serta dari belakang mereka, dan dari kanan mereka serta dari kiri mereka".

Surah al-A'araf (7): 16-17

4. Merosakkan amalan ketaatan manusia.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Apabila dilaungkan azan, syaitan melarikan diri sambil berkentut yang menyebabkan azan tidak didengari. Apabila selesai azan syaitan kembali untuk menggoda manusia. Kemudian iqamat perlu dilaungkan, sekali lagi syaitan itu melarikan dirinya sehingga selesai iqamat. Setelah itu, syaitan cuba menggoda manusia dan membisikkan kepadanya supaya mengingati sesuatu yang belum diingatnya sebelum sembahyang sehingga menyebabkan dia tidak ingat berapa rakaat telah dilakukannya".²²

Pintu-Pintu Bisikan Syaitan.

1. Melalui sifat marah dan sifat-sifat mazmumah (keji),

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Sesungguhnya marah itu dari syaitan, syaitan dicipta dari api. Yang dapat memadamkan api ialah air. Apabila seseorang kamu marah, maka ambillah wudhu".²³

2. Tergesa-gesa

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Bertenang dari Allah dan tergesa-gesa dari syaitan".²⁴

3. Malas melakukan ibadat dan suka melakukan maksiat

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Mahukah, Aku khabarkan kepada kamu, kepada

siapakah syaitan-syaitan itu selalu turun? Mereka selalu turun kepada tiap-tiap pendusta yang berdosa".

Surah al-Syu'ara' (26): 221-222

4. Melakukan pemborosan

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya".

Surah al-Isra' (17): 26-27

5. Kejahilan²⁵

Orang yang jahil tidak tahu tipu daya dan cara manakah syaitan boleh mengodanya, sehingga dia mampu menyekat kemaraan syaitan itu. Begitu juga dia tidak mengenal perbuatan-perbuatan jahat sehingga dia menyangka kejahatan yang dilakukannya adalah kebaikan.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Mahukah Kami khabarkan kepada kamu akan orang-orang yang paling rugi amal-amal perbuatannya? (Iaitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan".

Surah al-Kahfi (18): 103-104

Kejahilan akan mematikan cahaya hati. Cahaya hati yang mati mudah dikuasai oleh syaitan. Syaitan akan menjadikan orang yang jahil itu pengikutnya sehingga mereka semuanya menjadi orang yang rugi. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Ketahuilah bahawa puak syaitan itu sebenarnya orang-orang yang rugi".

Surah al-Mujadalah (58): 19

3. Kecintaan kepada dunia dan mengikut hawa nafsu.

Allah telah mencipta dunia sebagai medan ujian untuk menilai siapakah di antara manusia yang paling cemerlang amalannya. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan bagiNya, kerana Kami hendak menguji mereka, siapakah di antaranya Yang lebih baik amalannya".

Surah al-Kahfi (18): 7

Kecintaan kepada dunia dianggap sebagai faktor kelemahan umat Islam laksana buih di laut yang kelihatan begitu banyak tapi hakikatnya ia amat rapuh, sebagaimana yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w melalui satu hadith riwayat Abu Daud²⁶. Al-Quran juga menggambarkan kecintaan manusia kepada dunia seperti dalam firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga).

Surah Al Imran (3): 14

Manusia yang cinta kepada dunia sanggup melakukan apa saja demi mencapai apa yang dikehendakinya. Demi mencari kemewahan dan

keseronokan hidup, manusia itu sanggup membunuh, menipu, rasuah, berzina dan lain-lain. Apabila manusia menurut hawa nafsu maka akan berlakulah kerosakan dan kepincangan dalam hidup manusia.

Hawa nafsu merupakan sebesar-besar musuh bagi manusia. Justeru itu memerangi hawa nafsu merupakan jihad agung yang mesti diberi perhatian oleh umat Islam hari ini. Perjuangan melawan nafsu tidak mengenal batas sempadan musuh dan berterusan sepanjang masa. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Kita telah kembali dari perang kecil menuju kepada perang yang lebih besar".²⁷

Selain dari punca dalaman yang menjadi faktor manusia melakukan jenayah, punca luaran juga menjadi pendorong untuk gejala yang sama, iaitu:

1. Kurangnya didikan dan penghayatan agama.

Menuntut ilmu adalah satu kewajipan ke atas setiap orang Islam. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Menuntut ilmu adalah satu kewajipan bagi setiap orang Islam".²⁸

Allah mengangkat kedudukan orang yang berilmu. Orang yang berilmu dibezakan oleh Allah dengan orang yang tidak berilmu. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Katakanlah "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran".

Surah al-Zumar (39): 9

Ilmu yang mesti dituntut oleh seseorang muslim ialah ilmu mengenal Allah, mengetahui persoalan hukum dari segi halal dan haram termasuk juga persoalan pahala dan dosa dan ilmu yang menyentuh persoalan hati dan lain-lain²⁹

Orang yang memiliki ilmu tentang dosa pahala tidak akan melakukan maksiat dan jenayah. Ketakutan seseorang kepada azab Allah akan menghalangnya dari terlibat dan bergelumang dengan dosa. Harapan mengunung kepada pahala dan syurga Allah akan mendorong seseorang berbuat sebanyak mungkin amalan ketaatan dan berusaha keras meninggalkan kemungkaran.

Rasulullah s.a.w. dalam doanya ketika dihina dan disakiti oleh penduduk Taif menyatakan bahawa sebab penentangan mereka ialah kerana kejahilan mereka tentang hakikat kebenaran Islam.

2. Kelemahan Institusi Kekeluargaan

Keluarga merupakan sebuah institusi terpenting bagi membina keperibadian seseorang muslim. Ibu bapa berperanan mencorakkan kehidupan anak-anak pada masa hadapan sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*"Setiap bayi yang dilahirkan adalah berkeadaan fitrah, maka ibu bapanyalah menjadikannya yahudi atau nasrani atau majusi".*³⁰

Akhlak anak bermula dari rumah lagi. Anak yang telah dididik dengan akhlak yang mulia di rumahnya akan meneruskan kemuliaan akhlak itu bersama dengan masyarakat. Orang yang berakhlak mulia tidak akan melakukan perbuatan yang sia-sia dan memudaratkan orang lain. Sebaliknya jika seseorang anak hidup membesar dalam suasana keluarga yang pincang dan menyeleweng ia juga akan turut pincang dan menyeleweng³¹. Kepincangan keluarga ini boleh berlaku disebabkan beberapa perkara, antaranya ialah :

1. Kegagalan ibu bapa menunjukkan contoh teladan dan akhlak mulia kepada anak-anak.
2. Kekurangan pengetahuan tentang kemahiran keibubapaan.
3. Berlaku penceraian antara ibu bapa
4. Hidup dalam kemiskinan³²

3. Pengaruh Kawan

Rakan-rakan mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan seseorang. Seseorang itu boleh menjadi jahat kerana pengaruh kawannya yang jahat begitu juga sebaliknya. Banyak ayat al-Quran dan al-hadis yang menunjukkan keberkesanan pengaruh kawan itu. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Dan (ingatlah) perihal hari orang-orang yang zalim menggigit kedua-dua tangannya (marahkan dirinya sendiri) sambil berkata: "Alangkah baiknya kalau aku (di dunia dahulu) mengambil jalan yang benar bersama-sama rasul?" Wahai celaknya aku, alangkah baiknya kalau aku tidak mengambil si dia itu menjadi sahabat karib! "Sesungguhnya dia telah menyesatkan daku dari jalan peringatan (al-Quran) setelah ia disampaikan kepadaku. Dan adalah syaitan itu sentiasa mengecewakan manusia (yang menjadikan dia sahabat karibnya)".

Surah al-Furqan (25): 27-29

Rasulullah s.a.w. telah membuat satu perbandingan bahawa perumpamaan berkawan dengan kawan yang baik dan kawan yang jahat ialah seperti berkawan dengan penjual bau-bauan dan tukang besi. Berkawan dengan penjual wangian akan dapat manfaat bau wanginya. Sementara berkawan dengan tukang besi pula akan terpalit busuknya.³³

4. Pengaruh Media Massa Dan Hiburan Yang Melalaikan

Media massa merupakan satu alat yang terpenting di dalam bidang komunikasi massa. Media massa samada media cetak atau media

elektronik telah mengalami dan menempuh berbagai-bagai tahap kemajuan dan perkembangan bersesuaian dengan arus kemajuan sains dan teknologi. Dari sudut pandangan yang positif, jelas ketara kepada kita manfaat yang banyak didapati melaluinya. Yang paling penting media massa berperanan dalam penyebaran maklumat, mendidik individu dan memberi hiburan³⁴

Hasil karya yang disiarkan dalam media elektronik atau yang diterbitkan dalam media cetak adalah hasil kesenian. Kesenian merupakan salah satu dari keindahan atau perhiasan dalam Islam. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat Ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.

Surah al-A'araf (7): 31

Perkataan perhiasan atau keindahan yang tersebut dalam ayat di atas boleh dibahagi kepada dua bahagian samada ciptaan Allah secara semulajadi seperti gunung-ganang, lautan dan keindahan dalam bentuk perhiasan seperti emas dan lain-lain atau ciptaan manusia seperti kesenian yang meliputi seni bina, seni lukis, seni muzik, seni sastera dan sebagainya³⁵

Di sebalik kebaikan media massa, ia juga memberi peluang yang terlalu bebas dan luas kepada unsur-unsur maksiat dengan mencetuskan dorongan dan contoh teladan yang negatif yang boleh meruntuhkan peribadi muda-mudi. Melihat kepada media elektronik umpamanya, terdapat banyak tayangan yang berbentuk bercumbu-cumbuan, berpelukan dan sebagainya yang boleh mempengaruhi kehidupan ke arah perilaku negatif. Begitu juga majalah dan akhbar tempatan sering mengeksploitasi gambar perempuan seksi menghiasi halaman³⁶. Unsur negatif yang wujud dalam media massa itu diserap oleh pandangan mata.

Pandangan mata merupakan utusan ke arah melakukan zina.³⁷ Ekoran dari pandangan mata itu akan mengheret tuannya ke arah perlakuan yang lebih jauh lagi sebagaimana disebut dalam syair Arab :

نَظْرَةٌ فَأَبْتِسَامَةٌ فَسَلَامٌ فَكَلَامٌ فَمَوْعِدٌ فَلِقَاءٌ

*"Mula-mula pandangan mata, kemudian senyum, kemudian beri salam, kemudian berbual, kemudian temu janji dan diakhiri dengan pertemuan."*³⁸

Apabila seseorang dikuasai nafsu syahwat, maka mereka sangat meminati dunia hiburan. Kegilaan kepada hiburan yang melalaikan menyebabkan mereka menjadikan para artis sebagai ikutan mereka. Pada masa yang sama pula dunia hiburan di Negara kita banyak meniru dunia hiburan barat yang merosakkan.

5. Tidak melaksanakan hukuman syarak

Tidak melaksanakan hukuman jenayah Islam menyebabkan manusia tidak takut melakukan jenayah. Hukuman mati yang dilaksanakan pada hari ini tidak berkesan untuk menghalang jenayah keganasan.³⁹ Peruntukan hukuman mati diterima dalam Islam sebagai salah satu bentuk hukuman. Apa yang ditekankan oleh Islam ialah cara pelaksanaannya mesti dipertontonkan. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Dan hendaklah disaksikan hukuman seksa kedua-duanya oleh sekumpulan orang-orang yang beriman".

Surah al-Nur (24): 2

Pelaksanaan hukuman potong tangan boleh mengerun dan mencegah masyarakat dari melibatkan diri dalam sebarang jenayah. Pencegahan yang datang dari Allah amat berkesan untuk mencegah jenayah.

6. Kekurangan Tenaga Penguatkuasa Undang-Undang.

Penguatkuasaan undang-undang adalah salah satu cara untuk menyekat atau mencegah berlaku sesuatu jenayah. Penguatkuasaan yang berkesan akan mengerunkan penjenayah dari berterusan dalam perkara mungkar.

Apabila anggota masyarakat melakukan kemungkaran dan perbuatan itu tidak dicegah oleh pihak penguatkuasa, maka dia akan berani mengulangi perbuatan yang sama atau membuat kesalahan yang baru. Begitu juga orang lain akan timbul keberanian melakukan kemungkaran kerana tiada orang yang akan menghalang mereka.

Penguatkuasaan untuk mencegah perkara mungkar mesti dilaksanakan secara berkumpulan. Jika tenaga penguatkuasaan ini kurang, maka masyarakat akan mudah untuk membuat perkara mungkar. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

Surah al-Taubah (9): 71

PENYELESAIAN KES JENAYAH YANG BERKESAN

1. Membersih jiwa dan menguatkan iman⁴⁰

Antara cara yang boleh digunakan untuk membersihkan jiwa yang kotor dan menguatkan iman ialah :

1) *Zikrullah* / Ingat kepada Allah

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud;

"Bagi setiap sesuatu itu ada pengilap, pengilap bagi hati ialah zikrullah".⁴¹

Ingat pada Allah bukan sahaja menyebut namanya dengan lisan, malah dengan perbuatan iaitu sentiasa melakukan perbuatan yang baik.

2) Muraqabah

Muraqabah ialah perasaan selalu diawasi dan disertai oleh Allah sehingga dengan adanya kesedaran ini akan mendorong manusia untuk sentiasa rajin melaksanakan perintah Allah dan menjauhi larangannya. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu".

Surah al-Nisa' (4): 1

Sabda Rasulullah s.a.w. menerangkan makna ihsan dengan maksudnya:

"Bahawa kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatnya. Jika kamu tidak merasai melihatNya, hendaklah kamu merasai Dia melihatmu".⁴²

3) Mujahadah

Mujahadah ialah bersungguh-sungguh melawan hawa nafsu. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya".

Surah al-'Ankabut (29): 69

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Orang yang berjuang ialah sesiapa yang melawan hawa nafsu dalam melakukan ketuatan kepada Allah"⁴³

2. Bersungguh-sungguh Melakukan Ibadah Dengan Ikhlas

Taqwa adalah penyelamat manusia dari melakukan jenayah di sisi Allah. Orang yang bertaqwa akan ingat kepada pertemuan dengan Allah di akhirat secara konsisten. Dia mengingati konsep pahala dan dosa di akhirat sehingga mendorongnya bersungguh-sungguh melakukan ketaatan dan meninggalkan maksiat dan jenayah. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapaapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya".

Surah al-Kahfi (18): 110

Antara cara untuk mencapai taqwa ialah dengan memperbanyakkan ibadat kepada Allah. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa".

Surah al-Baqarah (2): 21

Ibadat yang dilakukan oleh seseorang muslim mempunyai kesan yang boleh menjauhkannya dari terjebak dalam kancah maksiat dan jenayah, contohnya solat. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar".

Surah al-'Ankabut (29): 29

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*"Solatlah yang pertama sekali yang akan disoal pada hari hisab. Kalau didapati solat memuaskan maka amalan-amalan yang lain juga akan memuaskan. Kalau solat didapati tidak memuaskan pada amalan-amalan juga tidak memuaskan"*⁴⁴

Sebaliknya apabila solat disia-siakan, maka orang itu akan mudah untuk mengikuti hawa nafsunya. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka)".

Surah Maryam (19): 59

Kajian yang dibuat di Arab Saudi menunjukkan bahawa golongan yang tidak mengambil berat tentang kewajipan solat adalah golongan yang paling ramai melakukan maksiat dan jenayah⁴⁵. Hanya solat yang dikerjakan dengan khusyuk sahaja yang dapat mencegah dari maksiat. Untuk memperolehi kekhusyukan dalam solat, seseorang itu mesti berusaha untuk mendapatkan enam perkara iaitu, kehadiran hati, mempunyai pengetahuan yang mantap tentang makna ucapannya, mengagungkan Allah, merasa kehebatan Allah, mengharap pahala Allah dan malu terhadap kekurangannya⁴⁶

3. Menutup Pintu Bisikan Syaitan

Antara cara yang boleh digunakan untuk menutup pintu bisikan syaitan ialah :

1) Menyemai keikhlasan dalam hati

Orang yang memiliki hati yang ikhlas tidak akan disesatkan oleh syaitan. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Iblis berkata: " Wahai Tuhanku! kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan aku akan menyesatkan mereka semuanya, kecuali di antara zuriat-zuriat Adam itu hamba-hambaMu yang dibersihkan dari sebarang syirik".

Surah al-Hijr (15): 39-40

2) Berterusan mengingati Allah

Seseorang muslim mesti mengingati Allah sepanjang masa dan tempat samada berdiri, duduk, berbaring, di rumah, di sekolah, di pejabat dan seumpamanya. Syaitan akan gagal menggoda manusia apabila ia berterusan mengingati Allah. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud :

"Apabila seseorang lelaki memasuki rumahnya dalam keadaan berzikir kepada Allah ketika memasukinya dan menyebut nama Allah ketika hendak makan, maka syaitan akan berkata: Tiada tempat tidur dan makan malam bagi kami. Apabila seseorang lelaki memasuki rumahnya dalam keadaan tidak berzikir ketika memasukinya dan menyebut nama Allah ketika hendak makan, maka syaitan akan berkata: Kami telah menemui tempat tidur dan makan malam"⁴⁷

3) Mengamalkan cara hidup Islam secara menyeluruh

Ajaran Islam yang lengkap berpandukan al-Quran dan al-Sunnah menyeru umatnya supaya mengikut siratulmustaqim (jalan yang lurus). Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Dan bahawa yang kami perintahkan ini adalah jalanku yang lurus, maka ikutlah dia dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan yang lain, kerana jalan-jalan itu menceraai-beraikan kamu dari jalanNya. Yang demikian itu perintahkan Allah kepadamu agar kamu bertakwa.

Surah al-An'am (6): 153

Manusia yang menyimpang jalan dari jalan kebenaran itulah orang yang mengikut jejak langkah syaitan dan meninggalkan ajaran Islam yang menyeluruh. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Wahai orang-orang Yang beriman! masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya secara menyeluruh; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata".

Surah al-Baqarah (2): 208

4) Mohon perlindungan kepada Allah

Perlindungan kepada Allah adalah benteng yang kukuh untuk mencegah penguasaan syaitan. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka mintalah perlindungan kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha mengetahui".

Surah al-A'araf (7): 200

Antara tempat yang perlu diminta perlindungan kepada Allah dari kejahatan syaitan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah ialah :

- 1- Ketika membaca al-Quran.
- 2- Ketika hendak masuk tandas.

- 3- Ketika hendak solat.
- 4- Ketika mendengar salakan anjing.
- 5- Ketika marah.

5) Membaca al-Quran

Antara ayat atau surah dalam al-Quran yang boleh menjauhkan syaitan apabila dibaca ialah :

- 1- Surah al-Baqarah penuh.
- 2- Dua ayat akhir dari surah al-Baqarah.
- 3- Ayat kursi.
- 4- Surah (al-Ikhlash, al-Falaq dan al-Nas).

4. Kembali Menghayati Sistem Hidup Islam Secara Menyeluruh.

Jika orang Islam menghayati sistem hidup Islam atau undang-undang Islam secara menyeluruh maka akan wujud sebuah masyarakat yang aman damai dari berleluasa sesuatu jenayah. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

Surah al-Nahl (16): 97

Undang-undang Islam merupakan undang-undang Allah yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Oleh kerana ianya datang daripada Allah yang bersifat sempurna maka ia merupakan undang-undang yang paling baik dan sempurna bagi mengatur kehidupan manusia, Allah yang mencipta manusia adalah Maha mengetahui dengan jenis undang-undang yang patut di laksanakan di kalangan manusia.

Apabila Allah memberi undang-undangNya maka manusia tidak boleh memilih atau beralih untuk menolaknya kerana undang-undang itu merupakan undang-undang yang terbaik bagi mereka untuk kejayaan di dunia dan di akhirat samada bagi individu, masyarakat mahupun negara⁴⁸. Untuk masyarakat kembali menghayati sistem hidup Islam secara menyeluruh, dua perkara mesti diberi penekanan iaitu mengubah sistem pendidikan dan dasar penerangan negara.

Sistem pendidikan negara mesti disatukan di antara sekolah beraliran agama dan sekolah yang tidak beraliran agama. Pendidikan agama perlu diberikan secara formal sejak dari peringkat rendah lagi. Walaupun seseorang itu belajar untuk menjadi saintis tetapi ilmu agama mesti diterapkan secara bersungguh-sungguh. Aspek pendidikan kerohanian mesti menjadi keutamaan.

Dasar penerangan negara pula mesti diarah menuju keredhaan Allah. Rancangan TV dan siaran suratkhbar perlu dibaiki agar ia benar-benar dapat mengajak orang ramai supaya bertaqwa. Rancangan dan tulisan yang bercorak keganasan, seks dan sebagainya tidak boleh disiarkan. TV dan suratkhbar hendaklah memperuntukkan banyak masa untuk program dan tulisan bercorak keagamaan.

5. Mewujudkan Keluarga Bahagia

Mewujudkan keluarga yang bahagia mesti dilakukan oleh ibubapa untuk menjadikan rumah sebagai syurga (*Baiti Jannati*). Sesebuah keluarga mesti memberi panduan dan bimbingan kepada remaja tentang cara untuk mengisi masa lapang secara bijaksana. Dalam institusi keluarga juga perlu diwujudkan keharmonian, ketenangan, keamanan dan kesejahteraan. Situasi sedemikian boleh mempengaruhi jiwa remaja untuk sentiasa bersama keluarga. Ibu bapa sebagai ketua dalam keluarga perlu memberi perhatian terhadap anak dan menanamkan sikap ambil tahu setiap pergerakan dan kelakuan anak ketika berada di luar rumah.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka".

Surah al-Tahrim (66): 6

Ibu bapa haruslah mendisiplinkan anak mereka dan memupuk nilai-nilai agama kepada anak sejak kecil. Agama Islam sendiri cukup prihatin terhadap kerukunan hidup umatnya dengan menyediakan garis panduan tentang persoalan penjagaan waktu, pemupukan akhlak yang baik serta pola perhubungan ibu bapa dengan anaknya. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

"Suruhlah anak-anak kamu supaya menunaikan solat ketika berumur tujuh tahun dan pukullah mereka jika tidak juga menunaikan solat itu setelah berumur sepuluh tahun".⁴⁹

Dalam hal ini ibubapa mestilah mendalami ilmu-ilmu agama dan kemahiran keibubapaan supaya ibubapa itu dapat menjadi contoh tauladan yang baik kepada anaknya.

6. Memilih Kawan Yang Baik

Pada usia yang muda, seseorang itu mudah terikut-ikut dan terpengaruh dengan pujukan serta ajakan rakan sekeliling. Bagi mereka rakan sebaya merupakan orang yang paling dihormati oleh mereka. Malah segala bentuk nasihat akan diterima bulat-bulat daripada rakan mereka. Ia dilakukan demi untuk menjaga hubungan persahabatan agar sentiasa kukuh. Mereka juga melakukannya agar tidak kehilangan rakan. Situasi seperti itu juga berlaku pada golongan dewasa yang ingin menjaga hubungan persahabatan mereka.

Oleh itu tidak dapat dinafikan sekiranya mereka bersahabat dengan orang yang terlibat dengan jenayah, mereka juga boleh melakukan

jenayah. Untuk menyelesaikan masalah berkawan dengan rakan yang jahat, Rasulullah s.a.w. telah bersabda dengan maksudnya:

"Seseorang itu akan mengikut agama kawannya, oleh itu berhati-hatilah memilih kawan⁵⁰".

Sikap berhati-hati dalam memilih kawan mesti ditanamkan oleh ibubapa sejak dari kecil lagi. Ibubapa mestilah mengambil tahu siapa yang menjadi rakan anaknya. Sikap memahami perasaan anak-anak perlu ada dalam sesebuah keluarga yang bahagia, barulah anak-anak akan dapat merasai ketenangan bersama ibubapa. Kehidupan yang menghayati ajaran Islam sepenuhnya adalah ketenangan yang sebenar.

7. Melaksanakan Undang-Undang Jenayah Islam

Setelah kaedah untuk membersihkan jiwa melalui ibadat dan penerapan konsep pahala dan dosa tidak berkesan untuk mencegah jenayah remaja, maka penyelesaian terakhir adalah dilaksanakan hukuman dalam undang-undang jenayah Islam.

Hukuman yang dikenakan kepada penjenayah dalam undang-undang jenayah Islam mempunyai beberapa matlamat yang berkesan untuk membanteras jenayah⁵¹ antaranya:

- 1- Menjaga dan melindungi kepentingan awam.
- 2- Pembalasan.
- 3- Pencegahan.
- 4- Pemulihan dan pendidikan
- 5- Memuaskan hati pihak mangsa.
- 6- Menghapuskan dosa.
- 7- Memberi rahmat.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan

membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan".

Surah al-A'araf (7): 96

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*"Melaksanakan sesuatu hukum hudud di bumi adalah lebih baik hujan empat puluh malam"*⁵²

Kedudukan hukuman dalam Islam sama seperti seorang ayah mendidik anaknya atau seorang doktor merawat pesakitnya. Tidakkah kita lihat bahawa seorang ayah kadangkala terpaksa merotan anaknya atau seorang doktor memberi pesakitnya ubat yang pahit dan sekali-sekala terpaksa memotong anggota badannya. Perbuatan tersebut walaupun pada sudut zahir menyiksa namun ia sebenarnya sebagai satu rahmat yang besar kepada pesakit tersebut.⁵³

Pelaksanaan undang-undang jenayah Islam amat berkesan untuk menghalang kejadian jenayah telah dibuktikan pelaksanaannya di Arab Saudi. Sebagai contoh kejadian jenayah di Arab Saudi pada tahun 1977 hanya satu sahaja dibandingkan di Amerika Syarikat yang tidak menjalankan hukuman Islam pada tahun yang sama sebanyak 10, 935, 777.⁵⁴

Banyak pandangan dan pengalaman yang telah diberikan oleh intelek dan penulis Islam antaranya Akhbar Ahmad tentang keadaan dan keberkesanan hukuman Islam di Arab Saudi. Beliau menceritakan pengalamannya melihat peniaga-peniaga barang kemas meninggalkan kedai mereka tanpa penjaga untuk menunaikan sembahyang di masjid. Menurut beliau keadaan seperti itu tidak mungkin berlaku di Oxford Street pusat membeli belah utama di London. Beliau berpandangan bahawa keadaan Arab Saudi menjadi aman damai kerana hukuman Islam yang dijalankan secara terbuka dan dipertontonkan di sana.⁵⁵

8. Menjadi Mata Dan Telinga Polis Dan penguatkuasa Agama

Mencegah kemungkaran adalah antara tugas kerajaan yang mesti dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan berterusan. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan".

Surah al-Hajj (22): 41

Selain dari petugas hisbah yang dilantik oleh kerajaan itu, individu muslim secara sukarela boleh membantu untuk mencegah jenayah dari terus merebak di kalangan masyarakat. Individu itu boleh menyekat jenayah itu mengikut kemampuannya. Jika dia tidak mampu bertindak sendiri, maka dia bolehlah meminta pihak berkuasa untuk membanterasnya. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Sesiapa dikalangan kamu yang melihat perbuatan mungkar, hendaklah dia mengubah dengan tangannya, maka hendaklah dia mengubah dengan lidahnya. Jika dengan lidah, dia tidak mengubahnya, maka hendaklah dia mengubah dengan hatinya. Dan itulah kedudukan iman yang paling lemah".⁵⁶

9. Berdoa

Doa merupakan senjata orang mukmin untuk menghadapi godaan nafsu, bisikan syaitan dan sebagainya. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Doa adalah senjata orang yang beriman"⁵⁷

Allah berjanji akan memperkenan doa hamba yang memenuhi segala syarat-syarat berdoa. Antara doa yang perlu dibaca untuk mendapat jiwa yang bersih dan minta jauh dari nafsu yang jahat ialah:

- 1 اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِيْ نَفْوَاهَا وَزَكَّهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا
- 2 اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنْ مُّكْرَاتِ الْأَخْلَاقِ وَالْأَعْمَالِ وَالْأَهْوَاءِ
- 3 اللَّهُمَّ أَلْهَمْنِيْ رُشْدِيْ وَأَعِزَّنِيْ مِنْ شَرِّ نَفْسِيْ

Ibubapa juga perlu berdoa agar diberi anak-anak yang soleh kerana anak-anak yang soleh tidak akan melakukan jenayah. Firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَّاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa".

Surah al-Furqan (25): 74

KESIMPULAN

Bermulanya kejadian dan kehidupan manusia dari satu jiwa, kemudian terbentuknya keluarga, masyarakat dan negara. Setiap pihak mesti memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing ke arah penyelesaian jenayah ini. Dicadangkan peranan tersebut seperti berikut:

1- Peranan setiap Individu.

Setiap individu muslim kena membersihkan jiwa, melakukan ibadat dengan bersungguh-sungguh, menutup pintu bisikan syaitan, menghayati cara hidup Islam dan menghindari rakan yang jahat. Setiap individu hendaklah mengetahui kesan buruk dari perlakuan jenayahnya itu. Mereka mesti berterusan berdoa untuk menjadi individu yang baik.

Setiap orang itu akan mudah membersihkan jiwanya dan melakukan segala bentuk kebaikan kalau ia telah diasuh dan dilatih oleh ibubapanya sejak dari kecil lagi. Begitu juga keadaan persekitaran dan peranan kerajaan akan membantu anggota masyarakat itu untuk bertaqwa.

2- Peranan Ibubapa

Dalam usaha untuk menyekat kemaraan jenayah menular dalam masyarakat, peranan ibubapa amat penting sekali. Antara peranan yang boleh dimainkan oleh ibubapa ialah membersihkan jiwa, melakukan ibadat dengan bersungguh-sungguh, menutup pintu bisikan syaitan, menghayati cara hidup Islam, mendalami ilmu agama dan kemahiran keibubapaan serta mendidik anak mereka dengan Pendidikan Islam.

Pendidikan yang perlu diterapkan ialah pendidikan keimanan, budi pekerti, mental, fizikal, emosi dan sosial. Ibubapa mesti menjadi contoh muslim sejati kepada para remaja. Di samping itu ibubapa perlu meneruskan doanya supaya Allah menjadikan anaknya anak yang soleh

Ibubapa akan lebih mudah menjalankan amanah mendidik anaknya jika media massa dan kerajaan berperanan menyokongnya.

3- Peranan Masyarakat

Apabila setiap individu dan keluarga telah mendalami ilmu agama, membersihkan jiwa dan menghayati cara hidup Islam maka akan terbentuklah sebuah masyarakat yang prihatin.

Masyarakat yang prihatin berperanan menegakkan tuntutan bertaqwa dan menghapuskan jenayah secara mewujudkan kerjasama yang erat. Dalam hal ini badan bukan kerajaan NGO, Rukun Tertangga(RT) dan sukarelawan masyarakat boleh membantu ibu bapa dan kerajaan dengan menjadi mata telinga bagi pihak penguatkuasa.

Setiap lapisan masyarakat mesti menjalankan tanggungjawab masing-masing. Para ulama' kena memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada ahli masyarakat. Golongan yang kaya kena membantu keluarga yang miskin dalam menyelesaikan masalah kehidupan harian mereka. Golongan artis juga mesti berperanan membersihkan jiwa dan mengajak masyarakat menghayati cara hidup Islam.

4- Peranan Kerajaan

Peranan kerajaan terhadap rakyat seumpama peranan seorang ayah terhadap anaknya. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Kedudukan aku bagi kamu adalah seperti kedudukan seorang ayah yang akan mengajar anaknya".⁵⁸

Kerajaan bertanggungjawab mengajak rakyatnya menjadi warganegara yang soleh yang sentiasa mengerjakan kebaikan dan menghindari kejahatan. Ia mempunyai kuasa yang paling besar mengatasi kuasa-kuasa yang lain, untuk membanteras kegiatan jenayah dicadangkan kerajaan mengadakan beberapa perkara penting antaranya:

1. Mengubah sistem pendidikan yang sedia ada ke arah penekanan kepada pendidikan kerohanian.
2. Mengubah dasar penerangan khasnya TV dan suratkhbar ke arah penekanan rancangan dan tulisan bercorak keagamaan dan menerangkan bahaya jenayah.
3. Menghapuskan terus pusat-pusat hiburan, karaoke dan disko.
4. Melaksanakan undang-undang jenayah Islam.
5. Menambah tenaga penguatkuasa undang-undang terutamanya penguatkuasa agama.

6. Mengadakan program yang boleh mendekati masyarakat kepada agama dengan lebih banyak dan berkesan lagi, bukan sahaja dibuat pada peringkat negeri malah peringkat kampung. Kampunglah akar umbi kepada negeri. Kalau penduduk setiap kampung menjadi baik maka tidak wujud lagi kejahatan pada peringkat negeri..

Cadangan di atas akan mudah dilaksanakan kalau pemimpin-pemimpin kerajaan itu mempunyai hati yang bersih, ilmu agama yang mantap dan penghayatan kepada Islam sebagai cara hidup. Dalam sebuah Negara demokrasi seperti Malaysia untuk menjadikan perlembagaannya dekat dengan Islam, maka penulis menyarankan seperti saranan Al-marhum Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim supaya memilih wakil-wakil rakyat yang boleh ada majoriti dua pertiga dalam Dewan Negara untuk meminda Perlembagaan tersebut⁵⁹

Di samping itu setiap individu atau rakyat mesti mendoakan supaya Allah sentiasa memberi petunjuk kepada pemimpin umat Islam agar melaksanakan amanah kepimpinan seperti kepimpinan Rasulullah s.a.w. Seseorang ulama' bernama Fudhail bin 'Iyad berkata:

"Kalau saya mempunyai satu doa yang mustajab maka saya akan berdoa untuk memohon kebaikan kepada pemimpin, kerana apabila pemimpin itu menjadi baik maka ia akan memberi kebaikan kepada rakyat dan negara".⁶⁰

Adalah diharapkan agar semua pihak yang terlibat dalam penyelesaian jenayah ini dapat menegakkan Islam dalam diri masing-masing. Untuk menegakkan sesebuah Negara Islam bermula dari seorang individu yang menegakkan Islam dalam dirinya. Allah akan memulia sesuatu kaum yang menegakkan Islam dan bertaqwa dengan menyelesaikan segala masalah mereka. Saiyidina Umar pernah berkata :

"Kita adalah satu kaum yang dimuliakan oleh Allah kerana mengamalkan ajaran Islam. Kalau kita mencari

kemuliaan selain dari mengamalkan ajaran Islam, maka Allah akan menghina kita "⁶¹

Semoga penulisan ini dapat dimanfaatkan dan menjadi titik perubahan ke arah memartabatkan Islam sebagai penyelesaian masalah ummah dan seterusnya mewujudkan "*Baladun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur*".

NOTA HUJUNG

- ¹ Hadis riwayat Imam al-Bukhari, Lihat Takhrij Ihya Ulum al-Din oleh al-Hafiz al-Iraqi dicetak bersama Ihya Ulum al-Din, Dar al-Qalam, Beirut, t.th, 1105.
- ² Mahfodz Mohamed (1993), *Jinayah Dalam Islam: Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukuman Hudud*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- ³ Al-Mawardi, *Ahkam al-Sultaniah*, (tahq.) Usam Faris, Maktab al-Islami, h. 335.
- ⁴ Abdul Qadir Audah (1986), *al-Tasrie al-Jinai al-Islami*, j. 1, Beirut: Muassah al-Risalah, h. 67.
- ⁵ Mustafa al-Khin (Ed.) (1992), *al-Fiqh al-Manhaji ala Mazhab al-Shafie*, j. 1, Dimashq: Dar al-Qalam, h. 103.
- ⁶ Hadis diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi, sila lihat Tuhfah al-Ahwazi : Oleh Al-Mubarakpuri, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1990/1410,7/308.
- ⁷ Harun Din (Ed.) (1988), *Manusia Dan Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd, h. 114.
- ⁸ Hadis riwayat al-Baihaqi, Lihat Takhrij Ihya Ulum al-Din oleh al-Hafiz al-Iraqi dicetak bersama Ihya Ulum al-Din, Dar al-Qalam, Beirut.
- ⁹ Al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, j. 5, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, h. 165.
- ¹⁰ Harun Din (Ed.) (1988), *Manusia Dan Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd, h. 299.
- ¹¹ Hadis dikeluarkan oleh Imam al-Bukhari, Sila lihat Fath al-Bari oleh Ibn Hajr, Dar al-Rayan lilturath, Kaherah, 11/28.
- ¹² Zaini bin Sulaiman, Analisa Hukuman Kesalahan Di Dalam Enakmen-Enakmen Islam Negeri Kelantan, Kertas Kerja yang Dibentangkan Di Seminar Hukuman Jenayah Syariah Di Malaysia Anjuran Jabatan Syariah Pada 15 Januari 2007
- ¹³ Hadis riwayat al-Tirmizi, Sila lihat Tuhfah al-Ahwazi oleh al-Mubarakpuri Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1990/1410,4/281.
- ¹⁴ Buku yang boleh dirujuk berkaitan kesan ini ialah *al-Zawajir* oleh Ibn Hajar al-Hathami dan *Al-Jawab al-Kahfi Liman Sa'ala an al-Dawa al-Shafi* oleh Ibn Qayyim.
- ¹⁵ Hadis riwayat Abu Daud, Sila lihat Awn al-Ma'bud oleh Syamsal Haq Abadi, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1990/140, 4/280.
- ¹⁶ Hadis riwayat Ibn Majah Sunan Majah ditahqiq oleh Muhammad Fu'ad Abdul Baqi, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, t.th, 2/1334.
- ¹⁷ Hadis riwayat Ibn Majah Sunan Majah ditahqiq oleh Muhammad Fu'ad Abdul Baqi, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, t.th, 2/1333.
- ¹⁸ Persoalan Berkaitan Boleh Dirujuk Secara Detail Dalam Kitab Seperti *Ihya' Ulum al-*

Din Karangan Imam al-Ghazali, *Madarij al-Salikin* karangan Ibn Qayyim.

¹⁹ Hadis riwayat Ibn Majah Sunan Majah ditahqiq oleh Muahmmad Fu'ad Abdul Baqi, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, t.th, 2/1418.

²⁰ Hadis riwayat Ibn Majah Sunan Majah ditahqiq oleh Muahmmad Fu'ad Abdul Baqi, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, t.th, 2/1299.

²¹ Sila lihat huraian lanjut oleh Abdullah bin Jarullah (1989), *Al-Asbab alati Ya'tasim biha al-Abd min al-Syaitan*, Riyadh: Dar Thaibah, h. 1410.

²² Hadis riwayat Al-Bukhari, Sila lihat Fath al-Bari oleh Ibn Hajar Dar al-Rayab, Beirut 1988/ 2/101.

²³ Hadis riwayat Abu Daud, Sila lihat Auan Al-Ma'bud oleh Syamsal Haq Abadi, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1990/140, 13/98.

²⁴ Hadis riwayat Al-Tirmizi, Sila lihat Mirqat al-Mafatih Syarh Mishkah al-Masabih oleh mula Ali al-Qari, Dar al-Fikr, Beirut, 1992/1412, 8/786.

²⁵ Wahid Abdul al-Salam Bali, *Wiqayah al-Insan min al-Jin wa al-Syaitan*, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, t.th, 191

²⁶ Riwayat Abu Daud, Sila lihat Auan al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud, Deral Kutub al-Ilmiah, Beirut 1990/1410, 11/272.

²⁷ Hadis riwayat Al-Baihaqi, Sila lihat Takhrij Ihya Ulum al-Din oleh Hafiz Al-Iraqi dicetak bersama Ihya Ulum al-Din, Dar al-Qalam, Beirut, t.th, 1/81.

²⁸ Hadis riwayat Ibn Majah, Sunan Majah ditahqiq oleh Muahmmad Fu'ad Abdul Baqi, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, t.th, 3/10.

²⁹ Muhammad Jamaludin al-Qasimi (1990), *Mau'izah al-Mu'minin min Ihya' Ulum*, Beirut: Dar al-Nafa'is, h. 47.

³⁰ Hadis riwayat Al-Bukhari, sila Lihat Fath al-Bari oleh Ibn Hajar dar al-Rayan Lil Turath, Beirut 1988/ 1409, 3/260.

³¹ Fathi Yakan (1993), *Maza Ya'ni Intima'i li al-Islam*, (terj.) Abu Mustafa Hamidi, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 72.

³² Raudhah Muhammad bin Yasin (1413), *Manhaj al-Quran Fil Himayah al-Mujtama' min al-Jarimah*, Markaz al-Arabi lil Dirasat al-Amniyah wa al-Tadrib, h. 200-210.

³³ Hadis riwayat Al-Bukhari, sila Lihat Fath al-Bari oleh Ibn Hajar dar al-Rayan Lil Turath, Beirut 1988/ 1409, 9/577.

³⁴ Hasnah Binti Ghani dan Prof Madya Dr. Madya, Dr Mat Saadabdul Rahman, *Jenayah Remaja Permasalahan dan Penyelesaian*, Hizbi Shah Alam, 1995, hlm 36.

³⁵ Z. Kasijan (1984), *Tinjauan Psikologis Larangan Mendekati Zina Dalam al-Quran*, Malaysia: Penerbit Penamas Sdn. Bhd, h. 34-35.

- ³⁶ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2003), *Gejala Sosial Dalam Masyarakat Islam*, Utusan Publication dan Distributors Sdn Bhd, h. 2-3.
- ³⁷ Mahmud al-Najiri (t.t), *Fi Intizar Huriyyah Min al-Jannah*, Kaherah: Maktabah al-Turath al-Islami, h. 11.
- ³⁸ Yusuf al-Qaradhawi (1989), *al-Khasa'is al-Ammah li al-Islam*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 158.
- ³⁹ Hamidi Bin Abdul Ghani, *Perlaksanaan Hukuman Mati Menurut Perspektif Islam*, dalam Jurnal KIAS Bil. 3/2007, h. 37.
- ⁴⁰ Fathi Yakan (1992), *Qawarib al-Najah Fi Hayah al-Duah*, Beirut: Muassah al-Risalah, h. 60-74.
- ⁴¹ Hadis riwayat al-Baihaqi, Sila lihat Mirqat al-Mafatih Syarh Mishkah al-Masabih oleh Mulla Ali al-Qari, Dar al-Fikr, Beirut, 1992/1412, 5/68.
- ⁴² Hadis riwayat Ibn Majah, Sunan Ibn Majah ditahqiq oleh Muahmmad Fu'ad Abdul Baqi, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, t.th, 1/25.
- ⁴³ Hadis riwayat al-Hakim, Al-Mustadrak, Dar al-Kutub al-Ilmiah, ditahqiq oleh Mustafa Abd Kadir, Beirut, 1990/1411, 1/54.
- ⁴⁴ Hadis riwayat Al-Tabarani, sila lihat Faydh al-Qadir Syarh al-Jami' al-Saghir oleh al-Manawi, Dar al-Fikrt. t.t 3/87.
- ⁴⁵ Muhammad bin Ibrahim al-Saif, *al-Zohirah al-Fijramiyyah Fi Thaqafah Wa Bina' al-Mujtama' al-Saudi*, Riyadh: Markaz Abbas Mukafahah al-Jarimah bi Wazarah al-Dakhiliyyah, h. 117.
- ⁴⁶ Lihat Huraian Lanjut Dalam Maw'izah al-Mukminin Ringkasan Ihya Ulumudin Keterangan Jamaludin al-Qasimi (Terjemahan H. Moh Abdai Rathony, Victory Agencie Kuala Lumpur, 2005, hlm 73-77.
- ⁴⁷ Hadis riwayat Ibn Majah, Sunan Ibn Majah ditahqiq oleh Muahmmad Fu'ad Abdul Baqi, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, t.th, 2/1279.
- ⁴⁸ Md. Akhir Hj. Yaacub (1997), *Undang-undang Ilam Dan Kewajipan Melaksanakannya*, Kubang Kerian: Pustaka Reka, h. 67.
- ⁴⁹ Hadis riwayat Abu Daud, Sila lihat Auan Al-Ma'bud oleh Syamsal Haq Abadi, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1990/140, 2/114.
- ⁵⁰ Hadis riwayat Abu Daud, Sila lihat Awn Al-Ma'bud oleh Syamsal Haq Abadi, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut 1990/140, 13/123.
- ⁵¹ Hamidi Bin Abdul Ghani, *Falsafah Hukuman Dalam Undang-undang Jenayah Islam*, Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Hukuman Jenayah Syariah Di Malaysia anjuran Jabatan Syariah pada 15 Januari 2007.

⁵² Hadis riwayat Al-Nasa'i, Sila lihat Sunan al-Nasa'i Bi Syarh al-Suyuti, Dar al-Fikr Beirut, 1930/1348, /76.

⁵³ Ibn Taimiyyah (1988), *Al-Siyasah al-Shar'iyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, h. 90, dan 'Izz al-Din Abd al-Salam (1990), *Qawaid Al-Ahkam*, j. 1, Beirut: Mu'assasah Al-Rayyan, h. 7.

⁵⁴ Fadhl Ilahi (1988), *Al-Tadabiral al-Waqiah min al-Zima fi al-fiqh al-Islami*, Pakistan: Idarah tarjaman al-Islam, h. 254.

⁵⁵ Utusan Malaysia, Hamzah Sidek, 27/09/1997

⁵⁶ Hadis riwayat Muslim, Sila lihat Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi, Dar al-Rayan Lil Turath, Kaherah, 1987/1408, 2/22.

⁵⁷ Hadis riwayat al-Hakim, sila lihat Faidh al-Qadir Syarh al-Jami al-Saaghir oleh al-Manawi, Dar al-Fikrt. t.t 3/541.

⁵⁸ Hadis riwayat Ibn Majah, Sunan Majah ditahqiq oleh Muahmmad Fu'ad Abdul Baqi, Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, t.th, 1/114.

⁵⁹ Ahmad Ibrahim, Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia h. 14.

⁶⁰ Faruq Abdul al-Majid Hamud al-Samirai (t.t), *Manahij al-Ulama Fi al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar*, Jedah: Maktabah Dar al-Wafa, h. 85.

⁶¹ Hadis riwayat al-Hakim.